

MAKLUM BALAS TERHADAP PERKARA-PERKARA BERBANGKIT MINIT MESYUARAT KE-117 (BIL. 2/2025) [LEM/PB/117]
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM

Mesyuarat ini telah diadakan pada hari Selasa, 5 Ogos 2025 jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, Blok C, Jabatan Tenaga Atom, Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi, Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor.

BIL.	PERKARA	STATUS	MAKLUM BALAS
7.	PERBINCANGAN PERKARA BERBANGKIT DARIPADA MINIT MESYUARAT KHAS LEMBAGA BIL. 1/2025 [LEM/PB/MLKhas/01/2025]		
7.1	Hasrat Pembinaan Loji Pengekstrakan Torium di Lynas Advanced Materials Plant (LAMP), Gebeng, Kuantan, Pahang oleh Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas)	Lembaga mengambil maklum bahawa pelaksanaan dan lokasi yang bersesuaian bagi membina comercial plant untuk pengekstrakan torium ini akan mengambil masa berdasarkan pemakluman yang telah diterima Lembaga melalui pembentangan-pembentangan ini. Lembaga juga mengambil maklum kemudahan pelupusan kekal (Permanent Disposal Facility, PDF), di Gebeng yang pada masa ini diuruskan oleh Syarikat Gading Senggara Sdn. Bhd (GSSB) akan menempatkan residu WLP milik Lynas sedia ada dan yang akan dijana sehingga Mac 2026.	Kronologi berhubung keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga berhubung syarat lesen Syarikat Lynas Malaysia Sdn Bhd akan dibentangkan melalui Kertas Makluman Lembaga pada mesyuarat kali ini.

BIL.	PERKARA	STATUS	MAKLUM BALAS
		Sehubungan itu, Lembaga menegaskan keperluan untuk mempertimbangkan beberapa perkara dalam syarat lesen baharu Lynas iaitu: i. tidak membenarkan mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif; dan ii. memastikan pembangunan teknologi untuk mengekstrak torium daripada residu WLP dan yang berkaitan dengannya, dapat dilaksanakan dan ianya perlu turut mengambil kira residu WLP sedia ada yang disimpan di PDF Lembaga juga meminta Jabatan Tenaga Atom menyediakan kronologi berkaitan keputusan-keputusan yang telah dibuat sebelum ini berkaitan dengan lesen syarikat Lynas untuk rujukan anggota Lembaga. <u>Tindakan: Jabatan Tenaga Atom</u>	